

MPC(PCT)100.26 Jld. 2

26 November 2020

En. Muzammil Arif bin Kamaruddin
Auto Prima Technology Training Sdn. Bhd.
23, Jalan Kemuning Prima B33/B
Kemuning Utama, Petaling
40460 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-5121 7153

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI PERUNDING PROGRAM INTERVENSI LEAN AND CREATIVE PROBLEM SOLVING BAGI 6 SYARIKAT DI BAWAH SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS TAHUN 2020.

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Merujuk kepada Surat Setuju Terima sebutharga rasmi **MPC 15/2020**, tawaran pihak Tuan telah diterima dengan jumlah harga keseluruhan sebanyak **RM138,000.23**. Bayaran ini akan dibayar oleh MPC secara berperingkat mengikut kemajuan kerja seperti yang dinyatakan di dalam **Lampiran 1**.
3. Pelantikan tuan untuk melaksanakan program ini adalah mengikut syarat-syarat seperti di **Lampiran 2** dan **Lampiran 3** yang mengambil masa antara 4 – 6 bulan bermula **Disember 2020 hingga Mei 2021**.
4. Senarai syarikat yang terlibat adalah seperti berikut:-
 - a. Syarikat Mapperow Sdn. Bhd.
 - b. Syarikat Gemilang Zamrud Sdn. Bhd.
 - c. Syarikat Equmed Sdn. Bhd.
 - d. Syarikat Transit Solutions Sales & Services Sdn. Bhd.
 - e. Syarikat Arbas Setia Enterprise
 - f. Wira Jaya Electrical and Trading Sdn. Bhd.


5. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak tuan dalam menjayakan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN HJ ELIAS)

Timbalan Pengarah

Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti

b.p. Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**Butiran Bayaran bagi Perunding Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris –
Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB)**

1. Kadar Bayaran

Berikut adalah komponen bayaran yuran profesional perkhidmatan yang dijalankan oleh perunding*:

1.	7 Hari Latihan @ RM1,723.65 sehari @ 6 sykt.	RM72,393.30
2.	6 Hari Perundingan @ RM1,318.15 hari @ 6 sykt.	RM47,453.40
3.	1 Hari Penilaian dan Persembahan @ RM1,723.70 @ 6 sykt.	RM10,342.20
4.	6% SST	RM7,811.33

Jumlah Keseluruhan	RM138,000.23
---------------------------	---------------------

* Kadar ini adalah termasuk kos perjalanan dan perbelanjaan lain seperti penginapan dan bahan program (seperti nota kursus).

** Kadar ini berbeza mengikut samada kadar setempat atau kadar luar kawasan (kadar yang dinyatakan di atas adalah kadar setempat).

2. Perincian Aktiviti, Yuran dan Jadual Pembayaran.

Bil	Fasa dan Aktiviti	Bil hari	Kos Intervensi (Kadar) (RM/hari)	Kos per syarikat (RM/sykt)	Jumlah (RM)
FASA 1					
1	<i>Business Profiling and Project Profiling</i>	1	1,723.65	1,723.65	10,341.90
2	Bengkel 1: <i>Lean Workshop</i>	2	1,723.65	3,447.30	20,683.80
3	Bengkel 2: <i>Project Implementation Workshop</i>	2	1,723.65	3,447.30	20,683.80
4	Bengkel 3: <i>Creative Problem Solving Workshop</i>	2	1,723.65	3,447.30	20,683.80
	Jumlah Fasa 1	7	6,894.60	12,065.55	72,393.30
FASA 2					
5	Sesi bimbingan (<i>Coaching</i>)	6	1,318.15	7,908.90	47,453.40
6	Final Project Presentation and Assessment	1	1,723.70	1,723.70	10,342.20
	Jumlah Fasa 2	7	3,041.85	9,632.60	57,795.60
	6% SST	-	-	1,301.88	7,811.33
	Jumlah Besar	-	-	23,000.03	138,000.23

**Skop Kerja Projek bagi Perunding Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris –
Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB)**

Jadual di bawah merupakan skop kerja pihak perunding Auto Prima Technology Training Sdn. Bhd. **(perunding)**. Adalah menjadi tanggungjawab perunding untuk membantu syarikat dalam Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) melalui pendekatan yang diambil seperti jadual di bawah:

**Carta Perbatuan Projek
Jangkamasa : 6 bulan**

Bidang Intervensi: Lean & Creative Problem Solving

Bil	Fasa	Perkara	Dis.	Jan.	Feb.	Mac.	Apr.
1	i	<i>Business Profiling and Project Profiling</i>					
2		Bengkel 1: <i>Lean Workshop</i>					
3		Bengkel 2: <i>Project Implementation Workshop</i>					
4	ii	Bengkel 3: <i>Creative Problem Solving Workshop</i>					
5		Sesi bimbingan (<i>Coaching</i>)					
6		Final Project Presentation and Assessment					

**Syarat Pelantikan bagi Perunding Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – Malaysia
Productivity Blueprint (SPPE-MPB)**

1. Mematuhi Etika Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem;
 2. Bersetuju untuk menjalankan projek sehingga tamat mengikut surat tawaran;
 3. Bayaran akan dibuat mengikut peringkat projek yang akan ditawarkan;
 4. Mempunyai rekod penilaian dari pelanggan dan skor latihan yang baik (4.0 dan ke atas);
 5. Perunding perlu menyediakan peralatan bantu mengajar (*presentation aids*) seperti komputer riba dan *LCD projector* untuk tujuan latihan;
 6. Nota kursus yang akan digunakan hendaklah mengandungi logo MPC. Nota-nota dalam bentuk *softcopy* tersebut haruslah diserahkan kepada pegawai MPC terlibat sebelum kursus dijalankan untuk tujuan pemantauan;
 7. Perunding hendaklah memaklumkan tarikh sebenar latihan/lawatan kepada pegawai MPC yang terlibat sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum sesi bermula;
 8. Menghantar laporan projek mengikut jadual fasa yang telah ditetapkan (seminggu selepas aktiviti terakhir dijalankan) bersama **invois asal** kepada pegawai petugas MPC termasuk laporan A3 yang disertakan. Sekiranya tidak dihantar, maka pembayaran tidak akan diproses bagi fasa tersebut (Rujuk Para 2 Lampiran 3);
 9. MPC tidak bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan penginapan kepada perunding;
 10. Kos penerbangan akan ditanggung sendiri oleh pihak perunding (sekiranya berkenaan);
 11. MPC berhak menarik balik tawaran pada bila-bila masa jika ada syarat-syarat tidak dipatuhi;
 12. Menyediakan laporan akhir dan laporan dalam format A3 yang diserahkan bersama-sama tuntutan akhir (Fasa 3);
 13. Perunding dilarang untuk mengenakan sebarang yuran tambahan kepada pihak syarikat.
- * *Sekiranya perunding menarik diri daripada projek ini tanpa sebarang sebab yang munasabah, maka perunding akan dibawa ke Jawatankuasa Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem (PLPS) untuk tindakan pembatalan sebagai pembekal.*